

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 May 2015



Himpunan warkah terpilih Tun Dr. Mahathir

Surat-menyurat ini memberikan gambaran tentang keadaan dunia sebenar yang diselubungi pelbagai permasalahan dan kerumitan untuk tatapan dan renungan...

“A revealing ensemble of diplomatic letters worth reading.”
— Sultan Nazrin Muazzam, Shah of Perak



ULASAN BUKU

BUKU terbaharu himpunan warkah terpilih daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada pemimpin dunia ini akan dilancarkan esok, 18 Mei pada pukul 3 petang di Putrajaya.

Banyak pemimpin dunia menulis memoir tetapi sedikit sahaja yang mengambil risiko untuk berkongsi urusan rasmi mereka dahulu dengan orang awam. Edisi kedua buku ini menghimpunkan 73 pucuk surat yang membincangkan banyak isu penting yang menjadi perhatian masyarakat.

Dr. Mahathir cukup petah bertutur dan mahir dalam menulis. Kedua-dua kebolehan ini suatu kelebihan yang beliau miliki. Selama ini rakyat biasa tidak berpeluang untuk membaca surat-surat bekas Perdana Menteri yang bersifat sulit. Kini dengan terbitnya buku edisi kedua ini, pembaca berpeluang membaca surat-surat terpilih yang ditulis kepada para pemimpin dunia.

Edisi terbaharu yang dihimpun oleh Tan Sri Abdullah Ahmad ini turut memaparkan warkah daripada bekas

Perdana Menteri Singapura iaitu Lee Kuan Yew dan Goh Chok Thong. Terdapat juga surat hasil tulisan George W. Bush, Bill Clinton, Jeneral Pervez Musharraf, Saddam Hussein, Benazir Bhutto, Kofi Annan, F.W. de Klerk, John Major, Raja Abdullah II.

Menyambung edisi pertama, buku ini turut mengandungi surat daripada Jacques Chirac, Tony Blair, Margaret Thatcher dan Putera Charles (di samping yang lain). Warkah terpilih ini unik kerana masing-masing menyuarakan pendirian yang berlainan, malahan ada yang bertentangan berhubung dengan isu-isu yang sama: keganasan, globalisasi, hubungan ekonomi dan diplomatik, serta perang dan konflik.

Surat-menyurat ini memberikan gambaran tentang keadaan dunia sebenar yang diselubungi pelbagai permasalahan

dan kerumitan untuk tatapan dan renungan pembaca. Surat-surat ini bersifat terbuka, padat dan penuh dengan informasi serta sesetengahnya mencabar. Kenangan mereka dan ungkapan kata-kata yang bernas merangsang dan mengusik jiwa pembaca.

Dr. Mahathir menulis dengan terus terang, selaras dengan orangnya yang bersikap berterus terang. Sesungguhnya koleksi warkah ini memuatkan surat-surat yang ditulis sendiri oleh tokoh Perdana Menteri Malaysia yang bukan saja dikagumi, malahan disegani di dunia. Sebuah karya menarik yang boleh dihayati oleh pelbagai lapisan pembaca yang gemar akan politik, mereka yang terlibat dalam hubungan diplomatik dan pakar hubungan antarabangsa.

Surat dalam koleksi terbaharu ini susulan yang pernah terbit sebelum ini.

Salah satu ciri paling menonjol, buku ini memberi manfaat kepada para pelajar bahasa Inggeris (di Malaysia dan rantau Asia) tentang pelbagai isu rumit dalam gaya bahasa Inggeris yang mudah. Buku ini senang dibaca oleh pembaca biasa, guru dan pendidik, pelajar dan ahli politik, apa lagi editor dan penerbit. Buku ini mendorong kita untuk terus menghayati politik dan terlibat sama dalam politik.

Abdullah Ahmad lulusan MCKK, Cambridge dan Harvard merupakan penulis, ilmuwan dan ahli politik. Berpengalaman hubungan antarabangsa apabila berkhidmat sebagai Duta Khas Ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1996 hingga 2000.

Dalam dunia media pula pernah menjadi Ketua Pengarang merangkap Pengarang Eksekutif Kumpulan *New Straits Times* hingga November 2003. Beliau masih menulis untuk kolum di akhbar *Sinar Harian*.

Um - 17/5/2015



ABDULLAH AHMAD

**Dr Mahathir's
Selected Letters to
WORLD LEADERS**
Volume Two

Introduction and Selected Commentaries
by Abdullah Ahmad

Judul:
Dr Mahathir's: Selected Letters to World Leaders (Volume Two)
Penulis: Tun Dr. Mahathir Mohamad;
Abdullah Ahmad
Penerbit: Marshall Cavendish
ISBN: 9789814634052